



KERTAS KONSEP

Anugerah **S**eri **A**srama **T**erbilang

Piala Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

A.S.A.T



Unit Pengurusan Asrama
Sektor Pengurusan Kesihatan Intervensi Asrama (SPKIA)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Tajuk

Anugerah Seri Asrama Terbilang (ASAT) Piala Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia

2 Pengenalan

- 2.1 Anugerah Seri Asrama Terbilang (ASAT) merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada asrama-asrama yang telah mencapai standard pengurusan yang ditetapkan dan boleh dijadikan sebagai penanda aras dan rujukan kepada pengurusan asrama harian di bawah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) khususnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amnya.
- 2.2 ASAT telah bermula pada 2005 yang dianjurkan oleh KPM dengan menggunakan Instrumen berasaskan Piawai Kualiti Asrama Harian (PKAH). Selaras dengan Transformasi Asrama Harian 2013-2020, Instrumen penilaian yang berasaskan PKAH tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan instrumen Standard Kualiti Pengurusan Asrama (SKPA) yang mula diguna pakai pada tahun 2015.
- 2.3 SKPA merupakan penambahbaikan daripada PKAH dan telah dimasukkan elemen-elemen Transformasi Asrama Harian yang merupakan pelan induk pengurusan asrama dan sasaran serta halatuju pengurusan asrama harian KPM mulai 2015.

3 Matlamat

- 3.1 Asrama Harian diurus dengan cemerlang menggunakan pendekatan menyeluruh dan menjadikan asrama sebagai kediaman yang menjamin kejayaan murid berdasarkan bakat dan potensi individu.

4 Objektif

- 4.1 Pengiktirafan kepada asrama dan warga asrama terhadap komitmen mereka membangunkan asrama sehingga mencapai satu tahap yang terbaik.
- 4.2 Penerima anugerah ASAT dijadikan sebagai tempat rujukan dan penanda aras kepada asrama-asrama lain.
- 4.3 Asrama yang mewakili negeri ke peringkat kebangsaan (asrama terbaik negeri) dapat dibangunkan secara menyeluruh dan diberikan keutamaan dalam semua aspek oleh JPN dan PPD.

5 Penyertaan

- 5.1 Setiap negeri akan diwakili oleh asrama terbaik negeri bagi setiap kategori iaitu :
 - a. Asrama Sekolah Rendah
 - b. Asrama Sekolah Menengah

- 5.2 Pemilihan wakil negeri ke peringkat kebangsaan hendaklah dilaksanakan daripada peringkat daerah, negeri dan seterusnya ke peringkat kebangsaan.
- 5.3 Asrama yang telah dipilih hendaklah diberikan masa **sekurang-kurangnya 1 tahun** untuk bersedia dan dibangunkan secara menyeluruh oleh PPD dan JPN.
- 5.4 Nama asrama yang mewakili negeri ke peringkat kebangsaan bagi tahun berikutnya hendaklah diserahkan kepada pihak BPSH pada bulan Januari tahun semasa. Ini untuk mengelakkan pemilihan wakil negeri saat akhir tanpa perancangan yang jelas oleh JPN dan menyebabkan asrama ini hanya menumpukan kepada luaran (“Cosmetic”) bukannya kepada amalan dan budaya pengurusan yang baik.
- 5.5 Syarat Penyertaan :
- i. Asrama yang telah mewakili negeri ke peringkat kebangsaan sama ada berjaya atau gagal menerima ASAT, tidak boleh lagi mewakili negeri sehingga kesemua asrama di bawah pentadbiran negeri tersebut diberi peluang mewakili negeri ke peringkat kebangsaan. Ini bertujuan untuk memastikan semua asrama berpeluang untuk dibangunkan secara menyeluruh oleh PPD dan JPN, manakala asrama yang telah menerima ASAT seharusnya mengekalkan status tersebut.
 - ii. Bagi negeri yang mempunyai bilangan asrama yang terhad (contohnya asrama sekolah rendah hanya 1 atau 2 buah asrama sahaja), walaupun tiada lagi asrama yang boleh mewakili negeri berdasarkan perkara 5.5(i), satu tempoh iaitu 3 tahun ditetapkan bagi asrama yang telah mewakili negeri dibenarkan semula untuk mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.

6 Kaedah Penilaian

- 6.1 Pencapaian sesebuah asrama diukur berdasarkan **Skor Komposit** yang diperolehi.
- 6.2 Skor Komposit terdiri daripada 2 elemen utama iaitu :
- a. Standard Kualiti Pengurusan Asrama (SKPA) - 80%
 - b. Gred Purata Asrama (GPA) - 20%
- 6.3 Penilaian akan dilaksanakan melalui 3 peringkat iaitu :
- a. Penilaian Kendiri SKPA
 - b. Pemastian Hasil Penilaian Kendiri Asrama Oleh JPN
 - c. Penilaian Akhir oleh Pasukan Penilai Kebangsaan yang dilantik oleh BPSH,KPM.
- 6.4 Asrama yang mencapai skor komposit melebihi 90% akan dianugerahkan Anugerah Seri Asrama Terbilang (ASAT).
- 6.5 Dua aspek utama yang dinilai ialah :
- a. **Standard Kualiti Pengurusan Asrama (SKPA) – 80%**
 - i. Standard 1 : Kepimpinan, hala tuju dan pentadbiran asrama.
 - ii. Standard 2 : Pembangunan sahsiah, pengurusan aktiviti dan program murid.
 - iii. Standard 3 : Pengurusan prasarana/ fizikal
 - iv. Standard 4 : Kemenjadian murid
 - v. Standard 5 : Pematuhan kontrak kerajaan

b. Gred Purata Asrama (GPA) – 20%

Gred Purata Peperiksaan Awam

- i. UPSR – Asrama Sekolah Rendah
- ii. SPM @ STPM @ SPM+STPM – Asrama Sekolah Menengah

7 Panel Penilai

- 7.1 Panel penilai akan dilantik oleh BPSH.
- 7.2 2 Panel penilai akan dibentuk dan akan menilai semua asrama mengikut kategori yang ditetapkan.
- 7.3 Penilai terdiri dari pegawai KPM, Pegawai Asrama Negeri dan lain-lain pegawai perkhidmatan pendidikan.

8 Anugerah

- 8.1 Anugerah Seri Asrama Terbilang akan diberi kepada asrama yang mencapai markah komposit 90% dan ke atas sahaja bagi setiap kategori iaitu untuk asrama sekolah rendah dan asrama sekolah menengah.
- 8.2 Anugerah Khas Juri diberikan kepada Asrama yang menunjukkan tahap pengurusan/amalan terbaik/inovasi yang boleh dijadikan sebagai *benchmark* kepada asrama yang lain.

9 Konsep Majlis Penganugerahan ASAT

- 9.1 Pengiktirafan kepada asrama
 - a. Asrama Penerima ASAT
 - b. Asrama Penerima Anugerah Khas Juri
 - c. Asrama Terbaik Negeri

- 9.2 Maklumat berkaitan perkara di bawah hendaklah disampaikan dalam majlis tersebut melalui tayangan multimedia :
 - i. Matlamat & Objektif Anugerah
 - ii. Kaedah Penilaian
 - iii. Asrama-asrama yang menerima anugerah
 - iv. Standard pengurusan asrama yang dikehendaki

- 9.3 Majlis penganugerahan ini diadakan di penghujung Program Student Leader Board.

- 9.4 Pelaksanaan majlis akan dikelolakan oleh Peserta Kursus Bakal Pemimpin Murid Asrama (Student Leader Board) dengan bimbingan guru sebagai latihan praktikal kursus SLB.

- 9.5 Tuan rumah program SLB dan penganugerahan ASAT bagi tahun berikutnya hendaklah diumumkan pada akhir majlis.

- 9.6 Senarai Jemputan Utama :
 - i. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (VVIP)
 - ii. Pengetua & Guru Besar Asrama yang dinilai
 - iii. Pengarah / Timbalan Pengarah (M) BPSH
 - iv. Pengarah Pendidikan Negeri
 - v. Ketua Sektor SPPK

10 Jawatankuasa

1. JAWATANKUASA INDUK

Penaung	:	Menteri Pendidikan Malaysia
Penasihat	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Pengerusi	:	Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Pengarah (Murid), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
Naib Pengerusi	:	Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Kesihatan, Intervensi dan Asrama (SPKIA) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Setiausaha	:	Ketua Unit Asrama, Sektor Pengurusan Kesihatan, Intervensi dan Asrama (SPKIA) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
Pen. Setiausaha	:	Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Kesihatan, Intervensi dan Asrama (SPKIA) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
AJK	:	Pengarah Pendidikan Negeri Selangor Pengarah Pendidikan Negeri Johor Pengarah Pendidikan Negeri Perak Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Pengarah Pendidikan Negeri P. Pinang Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu Pengarah Pendidikan Negeri Pahang Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak Pengarah Pendidikan Negeri Sabah Pengarah Pendidikan WP Kuala Lumpur Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Pengarah Pendidikan Negeri Melaka Pengarah Pendidikan Negeri Perlis

2. JAWATANKUASA PENGELOLA

Penaung	:	Menteri Pendidikan Malaysia
Penasihat	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Pengerusi	:	Pengarah Pendidikan Negeri
Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri
Naib Pengerusi	:	Ketua Sektor, Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Setiausaha	:	KPP/KU Unit Hal Ehwal Murid, JPN
Naib Setiausaha	:	Penyelia Kanan Asrama JPN
Bendahari	:	Unit Kewangan JPN
Ahli Jawatankuasa	:	Ketua-ketua Sektor di JPN KPP – KPP di JPN Pegawai Pendidikan Daerah Pengetua / Guru Besar Sekolah-sekolah berasrama Persatuan Penyelia Asrama Agensi Kerajaan Agensi Swasta NGO-NGO

3. JAWATANKUASA KERJA

Jawatankuasa Kerja utama yang WAJIB diwujudkan ialah seperti di bawah :

- i. Jawatankuasa Pendaftaran & Pemeriksaan Dokumen
- ii. Jawatankuasa Jemputan
- iii. Jawatankuasa Teks Ucapan VVIP & VIP
- iv. Jawatankuasa Pegawai Perhubungan
- v. Jawatankuasa Protokol
- vi. Jawatankuasa Dokumentasi & Buku Program
- vii. Jawatankuasa Promosi
- viii. Jawatankuasa Siaraya, Multimedia dan Teknikal
- ix. Jawatankuasa Logistik dan Penginapan
- x. Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan
- xi. Jawatankuasa Persiapan Tempat, Pentas dan Kebersihan
- xii. Jawatankuasa Hadiah & Sijil & Cenderamata
- xiii. Jawatankuasa Aturcara Majlis dan Floor Manager (Pengurus Pentas)
- xiv. Jawatankuasa Persembahan
- xv. Jawatankuasa Makanan & Jamuan

11 Peruntukan Kewangan

- 11.1 Perbelanjaan majlis akan menggunakan peruntukan yang diturunkan oleh KPM kepada negeri pengelola.
- 11.2 Sekiranya tiada peruntukan daripada KPM perbelanjaan akan ditanggung bersama oleh negeri yang mengelola dan negeri yang menyertai.
- 11.3 Kos penganjuran, penyertaan dan bayaran boleh menggunakan peruntukan Bantuan Kokurikulum Asrama (BKKA) di sekolah dan peruntukan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Unit Asrama di Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing serta mematuhi pekeliling kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Lampiran

- i. Lampiran 1 - Garis Panduan Pelaksanaan Program Peringkat Kebangsaan
- ii. Lampiran 2 – Cadangan Atur cara Majlis